

13 AUG 1996

Tebus Guna

EMPAT SYARIKAT AKAN DIBERI KONTRAK TEBUS GUNA TANAH

KANGAR, 13 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Perlis dijangka memberi kontrak kepada empat buah syarikat untuk projek tebus guna tanah di persisiran pantai negeri ini berbanding 13 buah yang telah memohon untuk melaksanakannya, kata Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Beliau berkata, kontrak berkenaan akan diberikan kepada syarikat terbabit berdasarkan kepada minat mendalam yang ditunjukkan sejak kerajaan negeri menawarkan projek itu untuk dimajukan oleh swasta.

"Kedudukan sembilan buah syarikat lain masih samar-samar dan kerajaan sukar menilai sama ada mereka masih berminat untuk membabitkan diri dalam projek itu atau sebaliknya," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Shahidan bagaimanapun enggan menyatakan nama keempat-empat syarikat yang akan diberi tawaran berkenaan sehingga Exco kerajaan negeri membincangkan perkara itu pada mesyuaratnya esok.

Kesemua 13 buah syarikat itu telah menanda tangani memorandum persefahaman secara serentak disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan rasminya ke negeri ini pada 12 April lepas.

Melalui projek itu syarikat swasta yang diberi konsesi akan memajukan kawasan seluas 2,600 hektar secara menebus guna di sepanjang persisiran pantai Perlis dan dibenarkan menjalankan kerja menebus guna sehingga melebihi 200 hektar mengunjur ke tengah laut.

Beliau berkata dengan pelaksanaan projek menebus guna itu keseluruhan kawasan persisiran pantai Perlis dari sempadan dengan Thailand hingga ke sempadan dengan Kedah sejauh kira-kira 15 kilometer akan dibangunkan dengan pelbagai kemudahan termasuk kawasan komersil, industri kecil dan sederhana, hotel, perumahan, jeti serta marina.

Kawasan tanah yang telah ditebus guna itu akan diberi percuma kepada pemaaju terbabit selepas mereka berjaya menyiapkan projek masing-masing, katanya. -- BERNAMA

IQ NMO